



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia beralamat di **WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor**. Tempoh sah laku sebut harga ialah **90 hari** mulai tarikh tutup sebut harga.

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN
KWP(SH-B)29/2014/BSE(WPBIZ)	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM / PORTAL PENDAFTARAN USAHAWAN BUMIPUTERA WILAYAH PERSEKUTUAN (WPBIZ)	210104 <i>Software/ System Development/ Customization and Maintenance including data entry and data processing</i>

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi/dimuat turun mulai **11 September 2014 (Khamis)** secara percuma melalui laman web <http://www.kwp.gov.my>.
3. Cadangan Tawaran Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 18 September 2014 (Khamis) jam 12.00 tengah hari** melalui kaedah berikut:
 - i) dimasukkan di dalam sampul surat yang berlakri/bermetri dengan nombor sebut harga ditulis di penjuru kiri sebelah atas sampul serta dikemukakan Cadangan tawaran sebut harga hendaklah **diserahkan** di kaunter Bahagian Kewangan seperti alamat berikut:

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
ARAS 3, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH
PRESINT 2, 62100 PUTRAJAYA
(U.P.: BAHAGIAN KEWANGAN)**
 - ii) Melalui faks: 03-8889 7730
 - iii) Melalui e-Mel: sebutharga_b@kwp.gov.my
4. Tawaran sebut harga yang lewat dikemukakan **tidak akan dipertimbangkan**.
5. Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.



**KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

DOKUMEN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM /
PORTAL PENDAFTARAN USAHAWAN BUMIPUTERA WILAYAH
PERSEKUTUAN (WPBIZ)**

PERINGATAN PENTING

**PENYEBUT HARGA YANG SILAP MENGISI BORANG TAWARAN ATAU MELANGGAR MANA-
MANA ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI TIDAK AKAN
DIPERTIMBANGKAN**

**SILA BACA DAN FAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DALAM
DOKUMEN SEBUT HARGA INI SEBELUM MEMBUAT TAWARAN**

ISI KANDUNGAN

1. Arahan Kepada Penyebut Harga
2. Lampiran Q
3. Borang Profil Syarikat
4. Jadual Harga Perkhidmatan
5. Jadual Spesifikasi Perkhidmatan
6. Surat Akuan Pembida
7. Contoh Surat Akuan Pembida Berjaya
8. Senarai Semak Dokumen Sebut Harga

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. AM

Sebut harga adalah terbuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berikut:

210104 - *Software / System Development / Customization and Maintenance Including Data Entry and Data Processing*

2. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/ MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

3. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

3.1 Penyediaan Sebut Harga

Semua lampiran yang disediakan hendaklah diisi dengan komputer atau tulisan tangan yang kemas dan mudah dibaca menggunakan dakwat hitam tidak luntur. Maklumat yang perlu diisi adalah seperti berikut:-

- (a) Lampiran Q
- (b) Borang Profil Syarikat
- (c) Jadual Harga Perkhidmatan
- (d) Jadual Spesifikasi Perkhidmatan
- (e) Surat Akuan Pembida
- (f) Senarai Semak Dokumen Sebut Harga

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan. Penggunaan pemadam dakwat adalah tidak dibenarkan.

3.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

(a) Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi dan dimasukkan dalam sampul surat berlakri/bermetri hendaklah dikemukakan melalui kaedah sebagaimana kaedah yang ditetapkan di dalam Kenyataan Tawaran Sebut Harga.

(b) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

3.3 Maklumat Tambahan

Sekiranya terdapat maklumat spesifikasi Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut harga boleh menghubungi pegawai seperti berikut:

Nama : Encik Muhamad Rizal Bin Ahmad
Bahagian : Bahagian Pembangunan Sosio Ekonomi
No. Tel : 03 8889 7644

4. TEMPOH SIAP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tiga(3) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

5. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen Sebut Harga ini diberikan secara percuma.

6. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

7. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Harga yang dinyatakan di dalam cadangan tawaran sebut harga hendaklah sah laku bagi tempoh tidak kurang daripada sembilan puluh **(90 hari)** dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga :
KWP(SH-B)29/2014/BSE(WPBIZ)

(Kew.284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEBUT HARGA UNTUK PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM/ PORTAL PENDAFTARAN
USAHAWAN BUMIPUTERA WILAYAH PERSEKUTUAN (WPBIZ)**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)

.....

No. Telefon :

No. Pendaftaran dengan Kementerian
Kewangan :

Kod bidang pendaftaran yang relevan
Dengan perkhidmatan ini : **210104**

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap):

**Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah
Presint 2, 62100 Putrajaya**

E-mel: **sebutharga_b@kwp.gov.my**

No Faks: **03-8889 7730**

Tarikh: **11 September 2014**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan: **Rujuk Dokumen Sebut Harga.**
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki selewat-lewatnya **Tiga (3) Bulan Daripada Tarikh Surat Setuju Terima.**
 - 1.3. Arahkan pengiriman **Kementerian Wilayah Persekutuan, Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Putrajaya.**
 - 1.4. Sebut harga hendaklah dihantar secara **serahan tangan / faks / e-mel** sebelum atau pada **18 September 2014, tidak lewat jam 12.00 tengah hari.**
 - 1.5. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **sembilan puluh (90) hari** mulai tarikh tutup sebut harga.

Tarikh:

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan :

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarikat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/Keperapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.	<p>PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM/ PORTAL PENDAFTARAN USAHAWAN BUMIPUTERA WILAYAH PERSEKUTUAN (WPBIZ)</p> <p>*Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.</p>	Lot	1		
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)				

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan selewat-lewatnya **Tiga (3) Bulan Daripada Tarikh Surat Setuju Terima.**

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat – syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat – syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
 Penyebut Harga:.....

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

Tarikh :

Mustahak - Lihat Syarat – syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang Pekeliling yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG
KELUARAN MALAYSIA**

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

BORANG PROFIL SYARIKAT

A. MAKLUMAT ASAS SYARIKAT

Nama syarikat :

No. Pendaftaran Syarikat :

Tarikh Pendaftaran Syarikat :

Tempoh Sah Pendaftaran Syarikat :

Alamat Syarikat :

.....

No. Telefon : No. Faks :

Emel : No. Telefon :

B. SENARAI PENGALAMAN DALAM PERKHIDMATAN / PENAMBAHBAIKAN /
PENYELENGGARAAN SISTEM YANG BERKAITAN (LIMA TAHUN MULAI 2010)

BIL	TAHUN	NAMA AGENSI/ JABATAN	JENIS KONTRAK	STATUS KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM)

JADUAL HARGA PERKHIDMATAN

BAHAGIAN / UNIT: BAHAGIAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI

**JENIS PEROLEHAN: SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM/PORTAL PENDAFTARAN USAHAWAN BUMIPUTERA
WILAYAH PERSEKUTUAN (WPBIZ)**

Bil	Perihal barang-barang / perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Kekerapan	Kadar seunit (RM)	Harga (RM)	Catatan
1.	Sebut Harga Perkhidmatan Pembangunan Sistem/Portal Pendaftaran Usahawan Bumiputera Wilayah Persekutuan (WPBIZ) Sila nyatakan kos lain jika ada.	1 lot	1			
JUMLAH KESELURUHAN (RM)						

JADUAL SPESIFIKASI PERKHIDMATAN
--

Bil	Spesifikasi Teknikal	Status	Kepatuhan (Ya/Tidak)	Keterangan/Catatan
Maklumat Am				
1.	Permohonan dan pendaftaran secara atas talian (web based) oleh Usahawan di Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan	Mandatori		
2.	Menggunakan perisian sumber terbuka (<i>open source</i>)	Mandatori		
3.	Penggunaan perkakasan/ infrastruktur sedia ada di KWP. Walau bagaimanapun, cadangan penggunaan perkakasan/ infrastruktur tambahan boleh dicadangkan jika diperlukan	Mandatori		
4.	Ciri-ciri pembangunan sistem MESTI mematuhi Dasar Keselamatan ICT KWP versi terkini	Mandatori		
5.	Melaksanakan Web Application Assessment penetration test, stress test dan tindakan pengukuhan (<i>hardening</i>)	Mandatori		
6.	Menyediakan pembangunan sistem yang mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti <i>https</i> (Digital Certificate)	Mandatori		
7.	Menyediakan fungsi Kawalan Capaian dan menu sebagai pentadbir sistem, pemohon, urusetia, pengurusan	Mandatori		
8.	Menjalankan aktiviti-aktiviti Kajian Keperluan Pengguna (User/Bussiness Requirement Study)	Mandatori		
9.	Menyediakan Dokumen Kontrak	Mandatori		
Modul Pendaftaran				
10.	Menyediakan fungsi Modul Pendaftaran Maklumat Usahawan Wilayah Baru dan Sedia	Mandatori		

Modul Permohonan Kursus				
11.	Menyediakan Modul Permohonan Kursus bagi Usahawan Wilayah	Mandatori		
Modul Tapisan				
12.	Menyediakan Fugsi bagi Modul Tapisan iaitu: a) Tapisan asas dan mandatori di buat oleh sistem; b) Merekodkan aktiviti-aktiviti tapisan di peringkat urus setia.	Mandatori		
Modul Pentadbiran Dan Penyelenggaraan Sistem				
13.	Menyediakan Modul Pentadbiran Dan Penyelenggaraan Sistem a) Pengurusan pengguna; b) Pengurusan tapisan kelayakan; c) Aktiviti-aktiviti penyeragaman seperti No.rujukan, surat dan sebagainya; d) Pengurusan Data e) Kemaskini maklumat oleh urus setia dan pemohon	Mandatori		
Modul Laporan				
14.	Menyediakan Fungsi Laporan a) Segala maklumat yang direkodkan di dalam sistem MESTI ada janaan laporan termasuk statistik yang pelbagai; b) Menyediakan laporan jenis senarai data, eksport kepada format .xsl, .xlsx, .pdf, .csv, .doc, .docx.; c) Menyediakan laporan secara grafik; d) Menjana surat tawaran atau apa-apa yang bersesuaian mengikut keperluan pengguna semasa.	Mandatori		
Integrasi				
15.	Menyediakan fungsi integrasi dengan emel bagi tujuan penyebaran maklumat	Mandatori		

Latihan			
16.	Menyediakan perkhidmatan latihan yang merangkumi a) Latihan Pengguna – Urusetia dan Pentadbir b) Latihan Teknikal kepada Bahagian Pengurusan Maklumat, KWP c) Transfer of Technology d) Lain –lain latihan yang dicadangkan oleh Penyebutharga		
Pengujian Sistem			
17.	Pengujian Sistem merangkumi • Penetration Test • Stress/Load Test • User Acceptance Test • Final Acceptance Test		
Tempoh Waranti			
18.	Waranti selama 12 Bulan bermula selepas tarikh Final Acceptance Test ('Final Acceptance Date')		
Manual dan Dokumentasi			
19.	Menyediakan Manual dan Dokumentasi tidak terhad kepada berikut: a) Modul Pentadbir/urusetia b) Modul Pengguna c) Dokumentasi Spesifikasi Teknikal d) Rekabentuk Pangkalan Data e) Senarai Fail Kod Sumber		

**SURAT AKUAN PEMBIDA
BAGI
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM/PORTAL PENDAFTARAN
USAHAWAN BUMIPUTERA WILAYAH PERSEKUTUAN (WPBIZ)
NO. SEBUT HARGA : KWP(SH-B)29/2014/BSE(WPBIZ)**

Saya.....nombor K.P. yang mewakili
.....**(Nama Syarikat)**
nombor Pendaftaran **(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)** dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau
memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian Wilayah Persekutuan**
atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebut harga*
seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili
syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kementerian
Wilayah Persekutuan** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam
sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan
berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan
sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan
tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai
polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Cop syarikat :

CONTOH

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA
Bagi
SEBUT HARGA SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN SISTEM/PORTAL
PENDAFTARAN USAHAWAN BUMIPUTERA WILAYAH PERSEKUTUAN (WPBIZ)
NO. SEBUT HARGA : KWP(SH-B)29/2014/BSE(WPBIZ)

Saya, (Nama Wakil Syarikat), nombor K.P. yang mewakili (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Kementerian Wilayah Persekutuan atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender / sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Kementerian Wilayah Persekutuan atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender / sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik kontrak bagi tender / sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender / sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender / sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

(Tandatangan)

(Nama dan No. KP)

Cap syarikat :

Catatan : * Potong mana yang tidak berkaitan

SENARAI SEMAK
(SEBUT HARGA PERKHIDMATAN)

Sila Tandakan ✓ Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Sila Tandakan (Penyebut harga) (/)	Sila Tandakan (Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga)
1	Lampiran Q		
2	Borang Profil Syarikat		
3	Jadual Harga Perkhidmatan		
4	Jadual Spesifikasi Perkhidmatan		
5	Surat Akuan Pembida		
6	Senarai Semak Dokumen Sebut Harga		
Dokumen Sokongan			
7	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan		
8	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan		
9	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga(3) Bulan Terakhir		
10	Lain-lain dokumen, brosur, katalog, sampel (Jika Berkaitan)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>	<p>Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>

* Pendaftaran kod bidang hendaklah masih sah sekurang-kurangnya bagi tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh sebut harga dibuka.